



## KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

**Ministry of Agriculture and Food Industries**

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62624 PUTRAJAYA,  
MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : [www.mafi.gov.my](http://www.mafi.gov.my)

### KENYATAAN MEDIA

#### **PERJUMPAAN DUA HALA YB MENTERI MAFI DAN DELEGASI KE EMIRIAH ARAB BERSATU (UAE) MEMPERKUKUH KERJASAMA DIPLOMASI SEKURITI MAKANAN**

**PUTRAJAYA, 30 Ogos 2022** – Perjumpaan dua hala antara YB Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, Menteri Pertanian dan Industri Makanan bersama delegasi dengan PYT Mariam Bint Mohammed Saeed Hareb Almheiri, Menteri Perubahan Iklim dan Alam Sekitar, Emiriah Arab Bersatu (UAE) memperkuuhkan lagi agenda kerjasama diplomasi sekuriti makanan antara kedua-dua buah negara.

Pelbagai usaha strategik kerajaan dengan kerajaan (G2G) secara bilateral turut dibincangkan secara lanjut bagi mengukuhkan lagi kerjasama dalam sektor kedua-dua buah negara dalam bidang pertanian yang telah wujud melalui Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani antara Kerajaan Malaysia dan UAE bagi Kerjasama Diplomasi Sekuriti Makanan yang telah diwujudkan sejak 10 Mac 2021.

Untuk rekod, jumlah nilai dagangan pertanian antara kedua-dua negara telah meningkat daripada RM1.14 billion pada tahun 2020 kepada RM1.51 billion pada tahun 2021.

Perjumpaan dua hala antara delegasi MAFI dan Kementerian Perubahan Iklim dan Alam Sekitar sejurus selesai mesyuarat dua hala ke Arab Saudi ini dapat memperkuuh dan memperluaskan kerjasama dalam bidang pertanian antara Malaysia dan UAE terutamanya melalui kerjasama dalam penyelidikan dan pembangunan, perkongsian teknologi, fasilitasi perdagangan bagi produk dan aktiviti hiliran agromakanan, galakan akses pasaran serta pertukaran latihan dan kepakaran.

Selain itu, lawatan kerja ini turut mengukuhkan kerjasama teknikal antara Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan *International Center for Biosaline Agriculture* (ICBA) dalam pertanian mampan melalui pengurusan pengairan dan perubahan iklim. Kerjasama ini yang dimulakan pada 21 Februari 2022 memberi ruang kepada kedua-dua buah negara untuk berkongsi teknologi dan pengalaman dalam meningkatkan produk dan hasil pertanian.

Dalam menjaga kepentingan sektor pertanian Malaysia di rantau Asia Barat, Pejabat Perwakilan Pertanian (PPP) juga telah ditempatkan di Dubai, Emiriah Arab Bersatu sejak tahun 2008. Antara peranan PPP ini adalah sebagai pengantara kedua-dua buah negara dalam kerjasama dan pelaburan dalam bidang pertanian.

Kerjasama erat yang terjalin melalui perjumpaan dua hala ini diharap akan terus mengukuhkan hubungan kerjasama dua hala dalam sektor pertanian dan industri makanan antara Malaysia dengan UAE sekaligus menjamin sekuriti makanan di kedua-dua buah negara.

Turut bersama dalam delegasi, YBhg. Datuk Badrul Hisham Bin Mohd, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) MAFI, YBrs. Dr Akma Binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah DVS, YBhg. Dato' Dr Mohamad Zabawi Bin Abdul Ghani, Ketua Pengarah MARDI, YBhg. Dato' Zainal Abidin Bin Yang Razalli, Ketua Pengarah FAMA dan YBrs. En Khalid Bin Ibrahim, Setiausaha Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Pelaburan (BDI) MAFI.

YBhg. Dato' Zamri Bin Yaakob, Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah NAFAS, YBrs. En Mohamad Taufik Mohamad Zakaria, Ketua Pegawai Strategi Agrobank serta wakil-wakil industri, Konselor Pejabat Perwakilan Pertanian (Dubai UAE), Chargé d'affaires a.i. (CDA) Kedutaan Besar Malaysia di Riyadh dan Dubai turut menyertai perjumpaan dan mesyuarat dua hala YB Menteri MAFI ke Arab Saudi dan UAE dari 24 hingga 30 Ogos 2022.

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**  
**30 Ogos 2022**